



SITI HAWA yang lumpuh berbual dengan ibunya, Zaidah dan bapanya, Apandi A. Hadi selepas mendaftarkan diri sebagai pelajar di Universiti Malaysia Pahang di Kuantan semalam.

Lumpuh tak halang Siti Hawa ke universiti

Oleh HAFIZ ABBAS
mohdhafiz@kosmo.com.my

KUANTAN - Penyakit lumpuh yang dialami oleh Siti Hawa Apandi, 18, ternyata tidak melemahkan semangatnya untuk melangkah ke menara gading.

Semalam, anak ketiga daripada lima adik beradik ini merupakan satu-satunya pelajar istimewa yang mendaftar bersama kira-kira 1,300 pelajar normal lain untuk mengikuti pengajian dalam jurusan diploma sains komputer di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Siti Hawa yang menghidap penyakit *spinal muscular atrophy* sejak lahir ini memberitahu, dia begitu seronok kerana impiannya untuk menyambung pelajaran di universiti selama ini telah tercapai.

"Meskipun cacat, saya tidak merasa rendah diri, bahkan bagi saya ia bukanlah halangan besar untuk bersaing dengan para pelajar lain khususnya dalam bidang akademik.

"Paling penting, saya ingin mencuba yang terbaik bagi memenuhi harapan ibu bapa, keluarga dan adik-beradik yang tidak jemu-jemu memberi motivasi dan dorongan kepada saya," katanya.

Dia yang memperoleh keputusan 5A, 4B dan 1C dalam peperiksaan

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan salah seorang daripada lima pelajar orang kurang upaya (OKU) terbaik peringkat kebangsaan tahun ini juga mengakui, peluang yang diperoleh ini akan digunakan sebaik-baiknya untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang pengaturcaraan komputer.

"Sejak di sekolah menengah lagi saya sememangnya memasangkan impian untuk menjadi seorang pengaturcaraan komputer.

"Ia juga selari dengan jurusan yang saya ambil di UMP selepas mengikuti kelas sains tulen di sekolah menengah," katanya.

Sementara itu, ibunya, Zaidah Tamjis, 44, berkata, beliau berterima kasih kepada UMP kerana sanggup menerima kemasukan Siti Hawa dan berusaha menyediakan kelengkapan bagi memudahkan kehidupan sehariannya sebagai pelajar di sini.

"Saya amat berterima kasih kepada UMP kerana berusaha menyediakan kelengkapan buat anak saya yang lumpuh.

"Apa yang diharapkan ialah universiti ini akan terus membuka peluang kepada para penuntut OKU untuk menyambung pelajaran kerana mereka juga berhak untuk mendapatkan pendidikan sempurna seperti mana pelajar normal lainnya," ujarnya.